

# **IKHWAN AL-MUSLIMIN, BERSATULAH SEKARANG....!**

## **SAMBUTAN KEPADA KEJAYAAN PERSIDANGAN ULAMA SE-MALAYA**

Tidak ada suatu keputusan yang sebegitu menggembirakan yang diterima pada penghujung bulan yang lalu selain daripada berita keputusan persidangan ulama-ulama yang dianjurkan oleh UMNO itu, berdiri sendiri dengan mempercayai bahawa mereka akan berusaha dengan nama dan kebolehan mereka sendiri menjalankan tanggungan mereka berjihad kepada jalan Allah mengawal dan menjaga kehormatan mereka sebagai seorang Islam yang berpandu kepada pengajaran al-Quran dan al-Hadis. Sekalipun tajaan itu baharu diasaskan tetapi diharap di dalam persidangan yang khabarnya akan diadakan pada bulan Disember penghujung tahun ini akan dapat tumbuh dan inilah barang yang telah menjadi idaman-idaman semua orang-orang Islam yang kasihkan agamanya lebih daripada segala-galanya yang lain.

yang besar daripadanya di atas nama umat Islam.

### **BERJIHADLAH KEPADA JALAN ALLAH**

(Oleh Edrus)

Sebelum persidangan itu lagi telah terbit dua aliran daripada perwakilan-perwakilan yang menghadiri persidangan itu; yang pertama menghendaki supaya tertubuhnya majlis ulama itu bernaung di bawah UMNO dan yang kedua menghendaki supaya berdiri sendiri tetapi alhamdulillah rupanya di dalam persidangan itu telah dapat dipersetujukan supaya Pertubuhan Ulama itu berdiri sendiri tidak dinaungi oleh lain-lain pertubuhan – yang demikian ini sudah pada tempatnya dan sudah tepat pula masanya.

Sekiranya petubuhan ulama ini terletak di bawah naungan UMNO maka akan ada lagi suatu Pertubuhan Ulama (atau dengan lain-lain perkataan pertubuhan Islam ini) di dalam naungan lain-lain pertubuhan dan dengan yang demikian cita-cita menyatukan ahli-ahli agama tidak akan didapat dan dengan demikian menjadilah nanti pertelingkahan-pertelingkahan yang hebat terutama dalam perkara menjalankan usaha-usaha untuk kebajikan masyarakat Islam; sedang di sebalik itu kedudukan agama itu hanya disambil-sambilkan juga oleh tubuh yang menaunginya dan tidak hairan nanti kalau ulama-ulama itu akan dijadikan perkakas oleh mereka itu – sebagaimana nampaknya telah pernah kejadian tatkala menyeru umat supaya bersatu sedang daripadanya ada orang yang mengambil peluang itu supaya mendapat faedah-faedah

Sekarang telah sampai masanya bagi orang-orang Islam bekerja - bukan bercakap. Perasaan kita di dalam masa yang akhir apabila kita memandang bahawa kita dipersenda-senda dan akhirnya kita seolah “dibodoh-bodohkan mentah-mentah” oleh suatu golongan yang terdiri daripada sedikit orang kemudian mereka nampaknya berikhtiar cuba hendak “menjual maslahat kita” dengan tidak keredhaan kita itu, kita telah menyedarinya dan dengan demikian wajiblah bagi kita merapatkan kerjasama yang rapat di atas nama agama dan menghidupkan faham di dalam masyarakat kita orang-orang Islam bahawa di dalam masa kita beragama itu adalah kita juga mengharungi medan siasah yang terang dipandu dan ditunjukkan oleh al-Quran dan al-Hadis – dan kita mesti bekerja dengan seberapa tenaga usaha kita mengikis fahaman-fahaman yang dibawa anasir-anasir yang cuba melemahkan kedudukan Islam dengan mengatakan bahawa agama Islam itu tidak boleh dicampurkan dengan siasah – Agama Islam itu hanya ibadat semata-mata.

Anasir-anasir ini telah hidup dalam perasaan sebahagian daripada orang-orang kita terutamanya alirannya dibawa oleh orang-orang kita yang berkultikan Islam – tidak terkecuali adakah ia titisan darahnya daripada orang-orang yang membawa agama ke negeri ini atau pun orang lain – yang menjadikan sebahagian orang-orang kita waham tentang adakah pengajaran agama itu boleh memasuki siasah atau adakah agama itu hanya

semata-mata bagi ibadat sahaja? Ini ialah perkara yang besar - menghapuskan faham ini ialah suatu tanggungan yang besar. Sekiranya kita berupaya memberikan fahaman yang terang bahawa agama Islam itu adalah agama yang benar dan agama yang meliputi kehidupan sehari-hari dengan terletak atas-asasnya di dalam batu asas yang kuat itulah sahaja yang dapat menguatkan lagi perdirian pertubuhan yang berdasarkan Islam yang di dalamnya akan hidup bahawa tiap-tiap diri seseorang Islam itu adalah diwajibkan "berjihad dengan harta dan dirinya kepada jalan Allah" supaya mereka mempunyai tanggungan yang kuat kepada masyarakatnya, tanggungjawab yang mana akan menyatupadukan umat Islam di Semenanjung Tanah Melayu ini supaya menjadi satu daripada sendi-sendi masyarakat umum dunia Islam yang dijanjikan Tuhan menjadi khalifah Allah di bumi ini.

-----\*-----\*

Marilah kita berbalik kepada tujuan Pertubuhan Ulama. Saya berharap, dan barangkali ramai orang-orang Islam juga berharap, pertubuhan ini apabila ditubuhkan nanti akan "beranak" pula. Saya katakan beranak ialah supaya di dalam pertubuhan itu nanti, jika jaya berdiri, akan membahagi-bahagikan pekerjaan kepada bahagian-bahagian yang luas dan tertentu. Setelah merafikkan kepada Sultan-sultan, sebagaimana yang telah diputuskan, bagi menyatukan jabatan-jabatan agama yang saya percaya bahawa Duli-duli Yang Maha Mulia Sultan dan orang besar-besar negeri akan tidak berlengah lagi memperkenankan sekiranya mereka itu mengaku beragama Islam – kerana berpecahnya kerja bermakna memecahkan dan memporak-perandakan pertadbiran untuk memimpin umat Islam insaf kepada agamanya sebagaimana yang telah kita perhati berjalan dalam masa yang lampau sehingga ada orang yang menuduh "pengajaran Islam itu semata-mata pengajaran untuk cagaran hendak mati jua".

Ini ialah suatu perkara yang mengenai atas hal pertadbiran. Tetapi bagi kita atau dengan lain-lain perkataan bagi ulama-ulama yang di luar pakar itu hendaklah ia berusaha sendiri. saya berharap di dalam persidangan yang akan datang telah ada suatu rancangan yang akan dibawa oleh

jawatankuasa sementara untuk membahagikan kerja-kerja atau bahagian-bahagian yang diambil oleh pertubuhan-pertubuhan nanti dan yang semolek-moleknya mengikut pendapatannya, hendaklah ada di dalam pertubuhan itu empat cabang-cabangnya iaitu:-

- (1) Majlis al-Ulama (di dalam majlis ini hanya terdiri daripada ulama-ulama seluruh Malaya untuk memberi penjelasan dan memberi nasihat kepada langkah-langkah yang mestilah diambil oleh pertubuhan itu serta menyatukan fatwa-fatwa – sekiranya timbul sesuatu masalah yang membawa pertelingkahan yang boleh memecah-belahkan persatuan dan fahaman umat Islam);
- (2) Majlis al-Tadbir (Jabatan Setiausaha dan Jabatan Pengurus Besar) yang akan mentadbir hal ehwal umum sama ada dalam perkara agama atau siasah yang mengenai maslahat dan kedudukan hak-hak umat Islam di Semenanjung Tanah Melayu ini serta pertadbiran-pertadbiran yang akan membuka beberapa cawangan untuk menyatukan perkara-perkara mendapat hak-hak agama seperti kuasa-kuasa zakat dan sebagainya untuk faedah orang-orang yang berkenaan yang ditadbir oleh orang Islam sendiri – Sekurang-kurangnya Jabatan-jabatan Agama di dalam tiap-tiap negeri itu mendapat nasihat daripadanya;
- (3) Jabatan Belia – yang akan mengerjakan pekerjaan-pekerjaan dan faedah-faedah untuk memimpin umat atau menjadi cermin kepada umat bagaimana caranya beragama supaya dapat membentuk akhlak dan budi pekerti anak-anak kita kemudian hari supaya dapat mereka itu kemudian hari berkeyakinan bahawa agama Islam itulah sahaja satu agama yang akan membawa kebahagiaan dunia dan akhirat; dan
- (4) Bahagian Muslimat – ini ialah yang mustahak sekali oleh kerana dengan adanya kaum ibu Islam kita itu mudah-mudahan dapat mereka itu memimpin dan membentuk perbuatan

mereka itu yang tersusul yang telah dibawa oleh anasir-anasir yang meruntuhkan Islam yang dibawa bukannya sahaja oleh orang lain tetapi ialah juga orang yang berkult Islam dan mengaku beragama Islam yang rupanya ialah “musuh dalam selimut” – kerana perbuatan-perbuatannya.

Pada bahagian yang pertama – saya syorkan hendaklah diduduki oleh ulama-ulama yang tertua dan juga yang muda yang luas fahamnya yang menyedari kepada perubahan-perubahan masa dan tahu kepada tanggungannya sebagai “ulama waris kepada anbiya” yakni ulama-ulama yang hidup jiwanya, hidup semangatnya dan cukup faham bahawa kewajipannya ialah menjadikan umat Islam khalifah di bumi Allah sebagaimana yang dijanjikan Allah itu – bukannya ulama yang menjadikan “Dunia ini jannah al-kafirin” – sifat-sifat ulama yang akhir disebut

Ini kalau ada, lebih baik jangan dimasukkan bilangan.

Pada bahagian yang kedua itu pula – semolek-moleknya hendaklah ada di dalamnya dua pihak. Pihak ahli agama yang mempunyai semangat dan jiwa Islam jati dan orang-orang Islam yang terpelajar – yang berpelajaran Barat yang jiwanya penuh dengan jiwa Islam – bukan berkult Islam – untuk mentadbirkan perkara-perkara yang mengenai maslahat dan kedudukan orang-orang Islam dengan menggunakan kebijaksanaan mengikuti lenggang lengok keadaan di sekeliling masyarakat kita.

Pada bahagian yang ketiga – ialah terdiri daripada belia-belia yang berjiwa Islam dan bersemangat Islam dengan mendapat pimpinan dan panduan daripada pihak yang pertama serta mendapat fahaman-fahaman yang luas akan apa ertiinya beragama – apa ertiinya jiwa dan semangat Islam, dan apa ertiinya pengorbanan-pengorbanan yang dikehendaki oleh Islam untuk faedah dan keselamatan umat Islam dengan cara melakukan kebijaksanaan yang boleh disesuaikan dengan keadaan di sekeliling masyarakat kita dengan menjauhi daripada perasaan taksub yang bakal merugikan masyarakat kita kalau sekiranya kedudukan masyarakat kita belum menghendaki perubahan-perubahan yang tertentu.

Pada bahagian yang keempat pula – ini ialah suatu punca yang sangat besar untuk asas keselamatan beragama

anak-anak kita kemudian hari. Kita telah melihat – dengan tidak dapat dilindungkan lagi – masyarakat kaum ibu kita telah didorong dengan kuatnya oleh pertubuhan kebangsaan yang ada, kepada pelanggaran-pelanggaran atas pengajaran-pengajaran dan pertunjuk Islam. Saya tidak menafikan bahawa ada sedikit-sedikit kononnya mereka meraikan agama tetapi hanya pada istiadat-istiadat agama – kemudian daripada itu dengan tidak sedikit pun bersilu malu anak-anak gadis kita diarak ke atas pentas konon-kononya untuk faedah bangsa – tetapi melanggar pengajaran-pengajaran Islam dan inilah suatu kewajipan kepada kaum ibu kita selain daripada mendidik anak-anak yang dikandungnya supaya berjiwa dan bersemangat Islam supaya roh dan semangatnya tidak makan ugut dan tidak menduakan Tuhan dan yakin bahawa anak-anaknya itu akan menjadi “khalifah di bumi Allah” kemudian hari.

Inilah empat fasal yang diharap mendapat perhatian umat Islam terutama kepada wakil-wakil yang akan nanti bertanggungjawab kepada berjaya atau tidak tertubuhnya pertubuhan yang dinanti-nanti oleh umat Islam itu. Marilah kita berdoa bersama-sama mudah-mudahan Allah memberi pertunjuk kepada kita supaya dapat kita bersatu supaya dapat kita bekerja mendirikan faedah dan mencari faedah bukan untuk orang lain tetapi untuk kita umat Islam dengan nama Allah. di dalam masa kita berdoa ini hendaklah kita ingat bahawa “kita tidak akan mendapat doa kita itu kalau kita berdoa sahaja tetapi tidak bekerja dan beramal untuk mencapai apa yang kita hajat dengan doa itu.”

Ingat! Allah tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum itu kalau kaum itu tidak mengubah nasibnya sendiri. Ini ialah suatu amaran dan suatu ingatan yang patut kita perhati. Di hadapan mata kita telah ada zahir benih yang baik untuk melorongkan kita bersatu iaitu dengan tertajanya Pertubuhan Ulama dengan berdiri sendiri itu. Pertubuhan ini bermakna menghendaki supaya tiap-tiap seorang kita menuaikan tanggungannya kepada agamanya, supaya tiap-tiap seorang kita menuaikan tanggungannya kepada Allah yang menghendaki kita berjihad dengan harta dan diri kita kepada jalan